



**KHUSYUK...** Raja Abdullah Abdul Aziz Al-Saud mendengar penerangan Abdullah Ahmad Badawi ketika menghadiri Majlis Perdagangan Malaysia-Arab Saudi di Kuala Lumpur, semalam.



**SPONTAN...** Mungkin ada sesuatu yang melucukan sehingga Abdullah Ahmad Badawi dan Raja Abdullah Abdul Aziz Al-Saud tertawa.



**PERSEFAHAMAN...** Raja Abdullah Abdul Aziz Al-Saud berbincang sesuatu dengan Abdullah Ahmad Badawi.

# Era kerjasama erat Malaysia, Arab Saudi bermula – PM

Um - 11/2/2006

**Ahli perniagaan Arab Saudi dan rakan di Malaysia mampu mewujudkan jaringan ke arah perluasan kerjasama ekonomi**

**ABDULLAH AHMAD BADAWI**

Dalam ucapan terima kasih kepada pemimpin diraja itu kerana membawa delegasi yang besar termasuk menteri, pegawai dan ahli perniagaan, Abdullah berkata:

“Adalah menjadi kepercayaan saya bahawa mereka dan rakan di Malaysia mampu mewujudkan persahabatan dan jaringan yang akan membawa kepada perluasan kerjasama ekonomi kita.”

Selepas perbincangan, mereka di kediaman rasmi Perdana Menteri itu, Abdullah yang juga pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) meraikan Raja Abdullah pada satu jamuan makan malam.

Raja Abdullah kini pada hari kedua dalam lawatan tiga hari ke Malaysia se-

telah menaiki tahta negara itu pada Ogos tahun lepas.

Sebelum perbincangan Putrajaya dimulakan di Bilik Biru Seri Perdana, Abdullah memperkenalkan beberapa menteri Kabinet kepada Raja Abdullah yang sebelum itu menandatangani Buku Tetamu setibanya di Seri Perdana pada pukul 9.30 malam.

Raja Arab Saudi dan rombongan dipersembahkan dengan acara kebudayaan Malaysia oleh sekumpulan murid dari Johor.

Dengan disaksikan oleh Raja Abdullah dan Perdana Menteri, perjanjian mengenai hubungan kemajuan pendidikan ditandatangani oleh Menteri Pengajian

Tinggi Datuk Seri Dr. Shafie Salleh manakala Arab Saudi diwakili Menteri Kebudayaan dan Penerangan, Iyad Madani.

Perjanjian meliputi program luas yang membenarkan kakitangan pengajian tinggi, penyelidik dan penuntut mengadakan pertukaran pengalaman dan kepakaran, mengukuhkan kualiti pengajaran, aktiviti penyelidikan, sokongan terhadap pengajaran bahasa Arab dan Melayu dan pertukaran biasiswa.

Perjanjian mengenai percukaian ditandatangani oleh Menteri Kewangan kedua Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Menteri Kewangan Arab Saudi, Dr. Ibrahim Al-Assaf.

Dagangan dua hala Malaysia dengan Arab Saudi berjumlah kira-kira AS\$1.8 bilion (AS\$1=RM3.77) tahun lepas. Pada 2003, Arab Saudi adalah rakan dagangan kedua terbesar di rantau Asia Barat selepas Emiriyah Arab Bersatu (UAE) dan rakan dagangan ketiga terbesar dalam OIC.

– Bernama

**PUTRAJAYA** 31 Jan. – Raja Abdullah Abdul Aziz Al-Saud dari Arab Saudi mengadakan perbincangan dengan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai isu kepentingan Riyadh dan Kuala Lumpur di sini malam ini dan Perdana Menteri menyifatkan lawatan diraja itu ke Malaysia sebagai permulaan ‘satu era baru dalam kerjasama erat’ antara kedua-dua negara.

Berucap sebelum perbincangan itu di kediaman rasmi beliau di Seri Perdana, Abdullah berkata hubungan antara Malaysia dan Arab Saudi begitu lama terjalin dan kukuh, hubungan itu bukan hanya melibatkan pemimpin tetapi juga rakyat, terutamanya ahli perniagaan.

Perbincangan tertutup itu diikuti dengan menandatangani perjanjian dua hala kerjasama saintifik dan kebudayaan dalam bidang pendidikan tinggi serta juga pengelakan cukai berganda dan pencegahan pengelakan cukai berkaitan cukai pendapatan.